

Hanya ekstremis Cina dikritik — PM

UM 2 - DEC 2000

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tegurannya terhadap puak ekstremis Cina tidak bermakna beliau mengkritik semua orang Cina di negara ini.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) mengakui mungkin tegurannya yang telah diputarbelitkan menjadi punca kekalahan calon BN pada pilihan raya kecil Lunas.

“Takkanlah saya tidak boleh tegur puak ekstremis. Saya bukan tegur orang Cina keseluruhannya.

“Saya kata orang ekstremis (pelampau) sahaja, malah dalam ucapan saya pada Hari Kebangsaan, saya tumpukan kepada segolongan yang kecil,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Ahli MT, Datuk

Shahrir Samad, dalam sebuah laman web (Malaysiakini) semalam, bahawa kritikan Dr. Mahathir terhadap orang Cina merupakan antara punca kekalahan BN di Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas.

Perdana Menteri bersyukur kerana kebanyakan orang Cina di Malaysia memahami perkara itu dan bekerjasama dengan baik serta tidak menimbulkan masalah.

• Bagaimanapun, katanya, puak ekstremis tersebut telah menimbulkan pelbagai kenyataan sehingga membangkitkan perasaan benci di kalangan rakyat.

“Takkan saya tidak boleh tegur puak ekstremis ini. Al-Ma’unah pun kita tegur, orang Melayu pun kalau ekstrem saya tegur,” katanya yang juga Presiden UMNO.

Oleh yang demikian Dr. Mahathir berharap orang Cina tidak berpandangan bahawa tegurannya terhadap puak ekstremis bermakna beliau menejur semua kaum itu.

“Apabila saya tegur puak Al-Ma’unah, adakah bermakna saya tegur semua orang Melayu.

“Takkan saya marah kepada semua orang Melayu,” ujar beliau.

Ditanya tindakan kerajaan untuk mengatasi salah faham itu, Perdana Menteri berkata, UMNO akan berbincang dengan parti MCA dan Gerakan supaya kedua-duanya dapat memberi penjelasan kepada orang ramai khususnya kaum Cina.

Mungkir

Menurutnya, rakyat perlu diyakinkan bahawa kerajaan BN tidak pernah mungkir janji seperti yang didakwa oleh pembangkang malah banyak memberi keuntungan kepada kaum tersebut.

Malah kata Dr. Mahathir, orang Cina boleh menubuhkan sekolah dan mengekalkan bahasa ibunda mereka sedangkan di negara lain termasuk Amerika Syarikat (AS) dan England pun tidak wujud sekolah Cina.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sanggup meminda undang-undang dalam bidang pendidikan bagi membuang kuasa menteri untuk menukar status sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan.

“Kuasa itu sudah dibuang dan itu dituntut oleh mereka (orang Cina).

“Jadi kita ingat apabila sudah dibuang, selesai masalah tetapi timbul isu Sekolah Wawasan,” katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan konsep Sekolah Wawasan hanya untuk menempatkan tiga buah sekolah berlainan aliran supaya murid-murid dapat bercampur dan membesar dengan memahami cara hidup dalam satu masyarakat berbilang kaum.

“Salahkah? Takkanlah orang Cina hendak asingkan langsung daripada orang lain,” soalnya.

Perdana Menteri mengingatkan kerajaan tidak pernah melarang anak Melayu belajar di sekolah Cina.

Dr. Mahathir kesal kerana puak ekstremis Cina menimbulkan masalah melalui pelbagai tuntutan yang dikemukakan bagi memberi tekanan kepada kerajaan.

“Saya tidak boleh terima ini, tekanan daripada kawan-kawan boleh, tetapi daripada puak ekstremis ini saya tak mahu terima,” tegasnya.

Gagal

Mengenai kemungkinan kekalahan calon BN di Lunas menunjukkan MCA dan Gerakan gagal meyakinkan pengundi Lunas mengenai pelbagai isu, beliau tidak menolak kemungkinan itu.

Selepas ini, katanya, BN akan meneruskan usaha memberi penerangan supaya puak ekstremis tidak mempengaruhi pemikiran orang Cina di Malaysia.

Ditanya benarkah dakwaan Shahrir bahawa orang Melayu mengundi pembangkang kerana membantah politik dalam UMNO, Dr Mahathir me-

nyatakan kenyataan itu pendapat peribadi.

Mengenai dakwaan Shahrir bahawa penggunaan poster Dr. Mahathir untuk tujuan kempen menjadi punca kekalahan calon BN, beliau tidak melihatnya begitu.

Katanya, penggunaan poster beliau adalah amalan yang telah dibuat oleh BN sejak pilihan raya sebelum ini yang telah menyaksikan kemenangan gagasan tersebut.

“Sebelum ini, semasa Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden (UMNO), kita gunakan poster beliau sahaja dan kita menang,” katanya sambil menegaskan bahawa BN masih belum tewas hanya dengan kekalahan di Lunas.

Ditanya sama ada Shahrir mengulangi tuduhan-tuduhan yang dibuatnya kepada laman web itu dalam mesyuarat hari ini, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak boleh mendedahkan perbincangan MT.